

SEMINAR ULAMA' : IMAM BUKHARI "PERMATA WARISAN UMMAH" (30/9/21) BERSAMA USTAZ SHAHRIZAN DAUD AT-TURABI

LIVE DI FB PUSAT ISLAM UMP

TAJUK : SEJARAH HIDUP IMAM AL-BUKHARI DAN SUMBANGANNYA

PENGENALAN RINGKAS IMAM AL-BUKHARI RA:

▶. Nama lengkap Imam al-Bukhari rahimahullah adalah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Ju'fi al-Farisi.

▶. Gelaran beliau adalah Abu Abdillah, Imam Al-Bukhari, dan Amir Al-Mukminin.

▶. Al-Bukhari adalah nisbah kepada tempat kelahiran beliau iaitu Bukhara yang terletak di Khurasan. Beliau dilahirkan di Bukhara, sebuah kota masyhur yang terletak di sebelah tengah Uzbekistan, pada 13 Syawal tahun 194 H. Wafat selepas solat Isyak, pada hari jumaat, 1 Syawal tahun 256 Hijrah. Pada usia awal 60-an. Di daerah Khartank, sebuah negeri yang terletak dekat dari Samarkand

▶. Imam al-Bukhari merupakan seorang anak yatim apabila ayahnya Ismail telah meninggal dunia ketika usia beliau masih kecil. Disebabkan itu, ibunya mengambil peranan dalam mendidik dan membesarkan imam al-Bukhari. Imam al-Bukhari sejak kecil lagi sudah cenderung untuk menghafaz hadith-hadith nabi SAW dan juga mempelajari ilmu-ilmu agama yang lain. Ini kerana, keluarganya merupakan sebuah keluarga yang amat menitikberatkan ilmu pengetahuan sebagaimana ayahnya merupakan seorang yang terkenal dengan keilmuannya.

▶. Sekalipun Imam Bukhari ini buta dari kecil, namun semangatnya untuk menuntut ilmu tidak pernah luntur. Malah beliau sangat bersemangat untuk mempelajari ilmu terutamanya ilmu hadith. Ketika usianya 5 tahun, beliau telah belajar Al-Quran dan gurunya pada ketika itu membaca Surah Qaf. Mendengarkan bacaan gurunya, beliau dapat menghafal dengan sekali dengar tanpa menulis satu pun ayat tersebut. Gurunya kemudian bertanya "siapa yang telah menghafal." Kata Imam Bukhari "aku telah menghafal didalam hatiku". Gurunya terkejut dan ketika diperdengarkan bacaan tersebut ternyata bacaannya sangat sempurna dengan sebutan dan tajwid yang betul. Lalu gurunya katakan "sekarang kamu dah boleh dan layak belajar hadith."

▶. Gembira dengan kata-kata gurunya itu, beliau menceritakan hasratnya untuk belajar ilmu hadith kepada ibunya. Seorang ibu yang kasihan akan anaknya yang tidak nampak dan terabara ketika berjalan berkata “kamu belajar Al-Quran dahulu, baru hadith”. Ibunya berkata demikian kerana kasihan akan Imam Bukhari kerana keadaan matanya yang buta. Imam Bukhari kemudian masuk ke bilik ditemani ibunya lalu membacakan Surah Qaaf. Melihatkan keinginan dan kesungguhan Imam Bukhari untuk belajar hadith, ibunya kemudian berdoa kepada Allah SWT “Wahai Allah SWT Yang Maha Melihat, yang atas sesuatu tetap akan berkuasa, Ya Allah, kembalikan akan pandangan mata anakku”. Ketika doa itu dipanjatkan kepada Allah, Imam Bukhari yang sedang membaca Surah Qaaf tiba di ayat ke-22 yang bermaksud “(Serta dikatakan kepadanya): “Demi sesungguhnya! Engkau di dunia dahulu berada dalam keadaan lalai tentang (perkara hari) ini, maka kami hapuskan kelalaian yang menyelubungimu itu, lalu pandanganmu pada hari ini menjadi tajam (dapat menyaksikan dengan jelasnya perkara-perkara hari akhirat)”. Seolah-olah ada hubungan doa ibunya dengan ayat yang dibacanya. Lalu ketika itu juga Allah SWT celikkan mata Imam Bukhari.


▶. Imam al-Bukhari merupakan seorang yang rajin menghadiri majlis-majlis atau halaqah-halaqah ilmu. Ketokohan imam al-Bukhari dalam bidang hadith sudah menonjol sejak beliau masih kecil lagi apabila kisah beliau menegur seorang guru yang ahli hadith ketika guru tersebut sedang menyampaikan pengajian. Guru tersebut adalah al-Allamah al-Dakhili, di mana beliau tersalah dalam meriwayatkan sanad hadith. Dikatakan usia imam al-Bukhari pada ketika itu adalah 11 tahun. Berdasarkan apa yang telah dinyatakan di atas, kita ketahui bahawa imam al-Bukhari merupakan seorang yang cerdik dan rajin dalam menuntut ilmu. Ini dapat dilihat ketika usia beliau masih kecil lagi. Tambahan pula, kesungguhan beliau ini diteruskan dengan rehlah-rehlah ilmiah yang telah ditempuhi oleh imam al-Bukhari semata-mata untuk menuntut ilmu dan mencari hadith Nabi SAW.

GURU-GURU IMAM AL-BUKHARI :

1. Ali bin al-Madini
2. Ahmad bin Hanbal
3. Yahya bin Ma'in
4. Ishak bin Rahawaih
5. Qutaibah bin Sa'id


MURID-MURID IMAM AL-BUKHARI :


1. Imam al-Tirmizi
2. Imam al-Nasa'ie
3. Imam Muslim
4. Imam Ibn Khuzaimah
5. Abu Zur'ah al-Razi
6. Abu Hatim al-Razi

 Al-Imam al-Syafie telah berkata mengenai syarat menuntut ilmu di dalam syiirnya: "Wahai saudaraku, Ilmu tidak akan dapat diperoleh melainkan dengan enam perkara yang akan aku terangkan secara terperinci" (Diwan Imam al-Shafie (1997)):

1. Zaka' (Kecerdasan)
2. Hirs (Semangat)
3. Ijtihad (Bersungguh-sungguh)
4. Bulghah (Bekal yang mencukupi)
5. Suhbah Ustaz (Bersahabat (bimbingan) dengan ustaz)
6. Thol Zaman (Waktu yang panjang)

UJIAN KEPADA IMAM AL-BUKHARI:


 . Kisah ujian yang dilakukan oleh ulama' hadith di Baghdad kepada imam al-Bukhari ini sangat masyhur dan diceritakan di dalam karya-karya yang menceritakan berkaitan sirah atau sejarah kehidupan beliau, contohnya di dalam kitab Sirah Imam al-Bukhari oleh Syeikh Abdul Salam al-Mubarakfuri atau di dalam kitab Imam al-Bukhari Imam al-Huffaz dan al-Muhaddithin oleh Dr. Taqiyuddin al-Nadwi.

 . Apabila para ulama' hadith di Baghdad mendapat berita akan kehadiran imam al-Bukhari di Baghdad, maka mereka telah merancang satu ujian bagi menguji tahap hafazan, keilmuan dan kecerdikan beliau. Para ulama' ini telah mengumpul seratus buah hadith yang telah ditukar sanad dan matannya antara satu sama lain. Kemudian hadith-hadith tersebut diberikan kepada sepuluh orang bagi membacanya kepada imam al-Bukhari. Setiap orang akan membaca sepuluh buah


hadith di hadapan imam al-Bukhari setelah itu akan bertanya imam al-Bukhari berkaitan hadith tersebut. Apabila ditanya, imam al-Bukhari memberi jawapan yang sama bagi sepuluh orang yang bertanya itu dengan mengatakan “aku tidak tahu”. Mendengar jawapan imam al-Bukhari itu membuatkan hadirin tertanya-tanya akan kepandaian dan tahap hafazan imam al-Bukhari. Tambahan pula, majlis itu dihadiri bukan sahaja daripada kalangan penduduk di Baghdad tetapi ia juga dihadiri oleh penduduk dari luar Baghdad juga. Setelah selesai semua pertanyaan, beliau mula membetulkan satu persatu hadith yang diajukan kepada beliau sehingga ke hadith yang seratus dengan matan dan sanadnya yang tepat. Dengan itu, semua hadirin terpegun dan mengakui dengan ketokohan imam al-Bukhari dalam bidang hadith.

SANJUNGAN TERHADAP IMAM AL-BUKHARI:


1. Telah berkata Ishak bin Rahawaih rahimahullah:

. “Wahai sekalian ashab hadith, lihatlah pada pemuda ini dan tulislah (hadith) daripadanya, sesungguhnya jika dia pada zaman Hasan bin Abi al-Hasan al-Basri sudah tentu manusia berhajat pada ilmu hadith dan fiqhnya”.


2. Telah berkata Qutaibah bin Sa'id rahimahullah:

. “Aku melazimi ahli fiqh, ahli zuhud dan ahli ibadah tetapi aku tidak pernah melihat orang seperti Muhammad bin Ismail”.

3. Telah berkata Ahmad bin Hanbal rahimahullah:

. “Khurasan tidak pernah mengeluarkan atau melahirkan insan sehebat Muhammad bin Ismail”.

4. Telah berkata Imam al-Darimi rahimahullah:

. “Aku telah melihat ulama' di Haramain, Hijaz, Syam dan Iraq tetapi aku tidak pernah melihat mereka semua melainkan Muhammad bin Ismail al-Bukhari lebih hebat daripada mereka”.

5. Telah berkata Imam Muslim rahimahullah:

▶. “Biarkan aku mencium kedua kakimu wahai guru kepada sekalian guru, ketua kepada sekalian ahli hadith dan pakar dalam ilmu ‘ilal (kecacatan) hadith”

SUMBANGAN IMAM AL-BUKHARI:

1. Beliau telah menghasilkan kitab Sohih al-Bukhori yang dijadikan rujukan dalam bidang hadis
2. Beliau telah berjaya mengumpulkan 600,000 hadis sohih dalam kitab Sohih al-Bukhari.
3. Kitab Sohih al-Bukhari telah menjadi kajian ulama' terkenal seperti Ibnu Hajar dan as-Sayuthi.
4. Beliau telah menetapkan syarat hadis sohih untuk menjaga ketulinan hadis dan boleh dijadikan hujah.

PENGAJIAN HADIS:

▶. Ketika berumur 16 tahun, Imam Bukhari pergi ke Makkah bersama ibunya untuk menunaikan Haji. Imam Bukhari terlalu seronok berada di Makkah sehinggakan beliau memanjangkan tempoh lawatan di Makkah untuk membolehkan beliau berguru dengan cendekiawan di Makkah. Pada umur 18 tahun, Imam Bukhari menerbitkan bukunya yang pertama mengenai sahabat-sahabat Rasulullah SAW, dan selepas itu buku sejarah bertajuk "Al-Tarikh-al-Kabir".

KARYA

1. Al-Jamik al-Sahih al-Musnad min Hadis Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam wa Sinatihi wa Iyamih (Sahih Bukhari)
2. Al Adab Al Mufrad الأدب المفرد
3. Al-Tarikh al-Kabir - sejarah besar, lengkap dengan biografi periwayat beserta rating
4. Al-Tarikh al-Saghir - sejarah kecil
5. Al-Tarikh al-Ausat
6. Al-Tafsir al-Kabir

7. Kitab al-Wahdan

8. Kitab al-Mabsut

9. Kitab al-Habah

10. Kitab al-Kuni

11. Kitab al-Fawa'id

SEBAB PENULISAN SAHIIH AL-BUKHARI:


1. Guru beliau iaitu Ishak bin Rahawaih telah menyampaikan hasratnya atau mencadangkan kepada muridnya agar menghimpunkan hadith-hadith yang sahih, Maka, kata-kata itu sangat memberi kesan di dalam hatiku.

2. Beliau (imam al-Bukhari) telah bermimpi bahawa beliau berdiri di sisi rasulullah SAW serta dalam masa yang sama, beliau mengipas rasulullah SAW. Setelah itu, beliau bertanya kepada penafsir mimpi berkaitan mimpi beliau. Penafsir mimpi mengatakan bahawa beliau akan menghalang pendustaan terhadap rasulullah SAW. Disebabkan itulah yang membuatkan aku untuk menghasilkan karya ini.


KUTUB AL-SITTAH:

Secara ringkasnya adalah enam (6) kitab hadis yang menjadi rujukan utama umat Islam.

1. Sahih Bukhari – diangkat sebagai kitab paling sahih selepas al-Quran

 Berkenaan dengan bilangan hadis dalam Sahih Bukhari, ulama berbeza pandangan sebab ada di antaranya yang menghimpunkan atau memisahkan bilangan hadis-hadis:

 Imam Ibnu Solah dan Imam al-Nawawi: 7275 hadis

 Imam al-Hafiz Ibn Hajar dan Dr Abu Laith: 9082 hadis

2. Sahih Muslim – kitab kedua paling sahih selepas Sahih Bukhari

▶. Dikatakan, Imam Muslim dah menyaring 300,000 buah hadis sebelum memasukkannya dalam Sahih Muslim.

▶. Diriwayatkan dari Ahmad bin Salamah, yang berkata: “Aku menulis bersama Muslim untuk menyusun kitab sahihnya itu selama 15 tahun. Kitab itu berisi 12,000 buah hadis.”

▶. Walaupun begitu, Ibn Solah pula menyebut yang Sahih Muslim ada 4,000 buah hadis sahaja. Tapi setelah dikaji, jumlah 12,000 tu masih betul sebab ia termasuk hadis-hadis yang berulang-ulang penyebutannya.

3. Sunan Nasai – dianggap kitab ketiga paling kuat

▶. Sunan Nasai adalah hasil himpunan hadis oleh Imam Nasai atau nama sebenarnya Abu Abdul Rahman Ahmad bin Syu'aib bin Aliy bin Sinan bin Bahr al-Khurasani yang dilahirkan pada tahun 215 hijrah. Ia dianggap sebagai kitab ketiga paling kuat dalam kalangan Kutub al-Sittah. Nama sebenar kitab ini ialah Al- Mujtaba Min al-Sunan al-Kubra atau Al-Sunan al-Sughra.

▶. Jumlah hadis dalam kitab ini adalah sebanyak 5,762 buah hadis mengikut susunan yang dibuat oleh Abd al-Fatah Abu Ghuddah.

4. Sunan Abu Daud – Kitab yang dipuji oleh Imam Ahmad sebagai kitab yang indah lagi baik

▶. Imam Abu Daud atau nama sebenarnya Sulaiman bin Imron bin Al Asy'ats bin Ishaq bin Basyir bin Syidad bin Amr dilahirkan di Kota Sajistan pada tahun 202 hijrah. Masa dah selesai menyusun kitabnya ni, beliau menunjukkannya kepada Imam Ahmad bin Hanbal, dan Imam Ahmad memujinya sebagai kitab yang indah dan baik.

▶. Manakala, Imam Abu Hamid al-Ghazali pula berkata: “Sunan Abu Daud sudah cukup bagi para mujtahid untuk mengetahui hadis-hadis ahkam (hukum).”

▶. Berkenaan dengan bilangan hadis dalam kitab ini, ada ulama yang kata sebanyak 4,800 buah hadis, manakala ada pula berpandangan sebanyak 5,274 buah hadis. Sama seperti kitab-kitab sebelumnya, jumlah ni berbeza kerana ada hadis-hadis tertentu yang berulang dianggap satu, manakala ada yang menganggapnya dua atau lebih.

5. Jami' al-Tirmizi – Kitab yang disusun boleh anak murid Imam Bukhari

▶. Kitab ini disusun oleh salah seorang anak murid Imam Bukhari iaitu Muhammad Bin Isa Bin Saurah Bin Musa As-Sulami At-Tirmidzi atau lebih dikenali sebagai Imam Tirmizi. Dilahirkan pada tahun 209 hijrah di Termez, Uzbekistan, Imam Tirmizi terkenal sebagai seorang ulama hadis dan mujtahid mutlak dalam hadis. Walaupun menghasilkan banyak karya, Jami' al-Tirmizi menjadi kitabnya yang paling tersohor dan tetap dibaca serta dikaji sehingga ke hari ini.

6. Sunan Ibn Majah – terdiri dari 32 kitab dan 1,500 bab

▶. Sunan Ibn Majah adalah kitab susunan hadis terkenal yang telah diusahakan oleh Imam Ibn Majah atau nama sebenarnya Abu Abdullah Muhammad bin Yazid Ar-Rabi' bin Majah Al-Qazwini Al-Hafidz. Dilahirkan pada tahun 207 hijrah di daerah Qazwin, Iraq, beliau selepas itu mengembara mencari ilmu di Baghdad, Basrah, Kufah, Mekah, Syam, Mesir dan sebagainya.

▶. Beliau kemudiannya menyusun sunan ini menjadi beberapa kitab dan bab iaitu terdiri dari 32 kitab dan 1,500 bab. Manakala, jumlah hadisnya pula sebanyak 4,000 buah. Walaupun tersenarai antara 6 kitab hadis terpenting, tapi masih ada ulama yang tak meletakkan Sunan Ibn Majah dalam kelompok “Kitab Hadith Pokok” kerana darjatnya yang lebih rendah dari lima kitab hadis sebelumnya.

جَزَاكُمْ اللهُ خَيْرًا كَثِيرًا وَجَزَاكُمْ اللهُ أَحْسَنَ الْجَزَاءِ